

## RASUAH DALAM KARYA SASTERA MELAYU KLASIK: SATU ANALISIS SEMANTIK KOGNITIF

NOR HASHIMAH JALALUDDIN  
ROZAIMAH RASHIDIN

### ABSTRAK

Syed Hussein Alatas telah memberikan tujuh tipologi rasuah, antaranya, rasuah perkerabatan, investif, defensif, transaktif, autogenik, memeras dan dukungan. Penggolongan tipologi ini berasaskan pemerhatian. Makalah ini memformalisasikan tipologi rasuah ini dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif. Berasaskan data daripada karya sastera Melayu klasik seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Terong Pipit* dan *Hikayat Raja Pasai*, konsep rasuah diperincikan. Peluasan makna perkataan rasuah mempunyai domain teras, pinggiran dan sub-pinggiran. Beberapa mekanisme kognitif khususnya metafora konsepsi seperti skema bekas, skema daya, skema penghubung dan skema imej tatatingkat telah digunakan bagi membantu menjelaskan lagi tipologi rasuah ini. Seterusnya, makalah ini cuba mengaitkan fenomena rasuah dengan pemikiran masyarakat Melayu hari ini. Konsep ‘membalas budi’ ternyata menjadikan rasuah sebagai satu konsep yang kabur malah ‘halal’ di mata masyarakat Melayu.

*Kata kunci:* rasuah, semantik kognitif, tipologi, skema imej, metafora konsepsi

### ABSTRACT

## CORRUPTION IN CLASSICAL MALAY LITERATURE: A COGNITIVE SEMANTIC ANALYSIS

Syed Hussein Alatas has given seven typologies of corruption namely, nepotism, investigative, defensive, transactive, autogenic, blackmail and supportive. The typologies listed are based on personal observation. This article attempts to formalize these corruption typologies using a cognitive semantics approach. Based on the classical literary works such as *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Terung Pipit* and *Hikayat Raja Pasai*, the concept of corruption will be explicated. The meaning extension of corruption in Malay can be divided into core meaning, peripheral meaning and sub-peripheral meaning. Cognitive mechanisms, especially the conceptual metaphor such as container schema, force schema, link schema, and hierarchical schema are utilized in explaining the corruption typologies in depth. Subsequently, this article attempts to relate the phenomena of corruption with contemporary Malay mind. The perception of ‘membalas budi’ (*to pay back in return*) has made the concept of corruption ambiguous, in fact ‘halal’ (*permissible*) in the eyes of the Malays.

*Keywords:* cognitive semantic, typology, image schema, conceptual metaphor

## PENDAHULUAN

Gejala rasuah merupakan fenomena yang dibincangkan dari dahulu hingga sekarang. Rasuah bukan sahaja mungkar di sisi agama Islam malah salah juga dari kaca mata budaya masyarakat Melayu. Persoalan rasuah bukan sahaja dibincangkan dalam pentadbiran negara secara serius tetapi juga melalui filem dan karya-karya sastera. Sebagai contoh, filem ‘Tiga Abdul’, arahan Allahyarham P. Ramlee pada tahun 1960-an jelas memperlihatkan bagaimana rasuah menular dalam masyarakat pada zaman itu. Begitu juga dengan karya-karya sastera. Perihal pentingnya penyakit rasuah ini telah diberikan perhatian serius oleh Syed Hussein Alatas melalui bukunya yang bertajuk, ‘Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi’. Syed Hussein Alatas telah memberikan tujuh tipologi rasuah dan memperlihatkan perbahayanya gejala ini.

Makalah ini akan menggunakan tipologi rasuah yang dikemukakan oleh Syed Hussein Alatas dengan penambahbaikan agar pemahaman rasuah daripada perspektif linguistik akan menjadi lebih jelas. Peluasan makna perkataan *rasuah* berdasarkan tipologinya dalam makalah ini dianalisis melalui pendekatan semantik kognitif dan teori prototaip. Data yang digunakan dalam makalah ini diambil daripada enam buah karya sastera Melayu Klasik iaitu *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Tuhfat Al-Nafis*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Terong Pipit* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Beberapa mekanisme kognitif seperti skema imej penghubung, skema imej daya dan skema imej bekas lalu membentuk metafora konsepsi telah berjaya diserlahkan bagi memperjelaskan bagaimana berlakunya proses peluasan makna perkataan *rasuah* ini. Peluasan makna perkataan *rasuah* berlaku secara sistematik. Peluasan makna perkataan *rasuah* mempunyai domain utama atau teras, domain pinggiran dan domain sub-pinggiran. Perbezaan setiap domain inilah yang menyebabkan wujudnya peluasan makna terhadap perkataan *rasuah* berdasarkan tipologinya.

## RASUAH: PERSPEKTIF BAHASA DAN SASTERA

Kajian mengenai peluasan makna kata yang berpolisemi dalam bahasa Melayu, secara khususnya kurang diselidiki dengan tuntas oleh penahu Melayu. Kajian ini mula menjadi menarik apabila Imran (2000) berjaya meneroka fenomena peluasan makna perkataan yang polisemi sifatnya ini dengan lebih mendalam melalui kerangka kerja semantik kognitif.

Dengan meneliti peluasan semantik kata rasa iaitu *manis*, *masam*, *masin* dan *tawar*, beliau telah membuka ruang terhadap perbincangan peluasan makna. Permasalahan kajian ini boleh dilihat daripada beberapa sudut seperti berikut:

### **Peluasan Makna Berpolisemi: Tanpa Teori ke Teori**

Berdasarkan kajian terdahulu tentang peluasan makna, penelitian kajian peluasan makna tersebut dapat dibahagikan atau dikelompokkan kepada dua kategori iaitu kajian tanpa teori dan kajian berteori. Kajian yang telah dilakukan oleh Abdullah (1980), Ibrahim (1991 & 1993) dan Noresah (1993) diklasifikasikan sebagai kajian tanpa teori. Manakala kajian yang dianggap sebagai kajian berteori pula adalah kajian yang dilakukan oleh Imran (2000), Norsimah (2000, 2002 & 2004), Hawiyah (2002), Rusmadi (2003) serta Nor Hashimah dan Norsimah (2006). Kajian tanpa teori adalah kajian yang bersifat mudah dan tidak menerapkan sebarang teori dalam kajian tersebut dan kajian berteori pula merupakan kajian yang mengaplikasikan teori untuk menganalisis dan menghuraikan penyelidikan yang dijalankan. Menurut Nor Hashimah (2002), teori boleh dianggap sebagai pemegang yang boleh dibuat tempat berpaut apabila kita cuba menyelesaikan masalah dalam sesuatu kajian. Teori ini dapat dijadikan acuan agar apa yang hendak diselesaikan dapat disusun dengan rapi sehingga terhasil satu analisis yang boleh dipertanggungjawabkan. Kajian berteori menawarkan satu pendeskripsian konsep peluasan makna kata yang berpolisemi dengan kaedah baru dalam bahasa Melayu kerana bersifat lebih mendalam dari sudut teoretis, data dan huraiannya. Dalam konteks kajian ini, peluasan makna kata rasuah akan diperihalkan secara sistematik menurut motivasi pertalian kognitif.

### **Sastera Melayu Klasik dari Perspektif Semantik Kognitif**

Kajian terhadap karya sastera Melayu klasik telah banyak dilakukan. Kajian yang dilakukan itu adalah kebanyakannya menumpukan kepada beberapa persoalan sejarah dan kesusasteraan. Karya sastera Melayu klasik ini juga telah dikaji dari perspektif yang berlainan juga iaitu linguistik. Arockiamary (1992) melakukan kajian tentang ayat majmuk dalam teks *Sejarah Melayu*. Menurut Arockiamary, tujuannya membuat kajian tentang ayat majmuk ini adalah untuk menumpukan perhatian kepada aspek penganalisisan sintaksis yang agak terabai dalam analisis tatabahasa oleh ahli bahasa, sama ada dalam makalah-

makalah atau buku-buku tatabahasa. Awang Mohamad Amin (1996) pula telah mencuba membincangkan serta meneliti beberapa aspek bahasa dan gaya bahasa *Sejarah Melayu*, yang berlandaskan linguistik dan sosiolinguistik. Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah (1997) menjalankan kajian analisis nahu wacana bahasa Melayu klasik berdasarkan teks *Hikayat Hang Tuah*. Apa yang dapat disimpulkan ialah, kajian terhadap karya sastera Melayu klasik yang telah dikaji dari perspektif linguistik adalah dalam bidang sintaksis, morfologi, sosiolinguistik dan analisis nahu wacana. Masih terdapat beberapa bidang linguistik yang belum disentuh misalnya bidang semantik kognitif. Oleh yang demikian, penulis makalah ini akan menggunakan lompang yang ada ini bagi menambahkan lagi kajian terhadap sastera Melayu klasik dari perspektif linguistik, khusus dalam bidang semantik kognitif. Kata rasuah yang diselidiki daripada korpus sastera Melayu klasik ini akan diutara beracuankan semantik kognitif.

### **Definisi *Rasuah* dari Sudut Bahasa**

Terdapat pelbagai takrif dan definisi perkataan *rasuah*. Didapati bahawa pendefinisian perkataan *rasuah* ini adalah tidak seragam dan berlainan di antara satu sama lain serta kelihatan tidak mantap. Ada pendefinisian perkataan ini bersifat terlalu umum, berlingkar-lingkar dan berbentuk sinonim. Pada pendapat penulis makalah, masalah kecaburan dan definisi yang pelbagai terhadap perkataan *rasuah* adalah disebabkan oleh gejala *rasuah* atau kajian terhadap *rasuah* selama ini lebih tertumpu dalam bidang sosiologi. Situasi ini seolah-olah memperlihatkan tidak ada atau kurangnya kerjasama di antara ahli sosiologi dan para linguis selama ini, maka kerencaman definisi perkataan *rasuah* ini terhasil. Menurut James, T.G (2000):

*... It is easy to talk about corruption, but like many other complex phenomena, it is difficult to define corruption in concise and concrete terms. Not surprisingly, there seldom is a consensus as to what exactly constitutes this concept. Consequently, there is always a danger that several people may engage in a discussion about corruption while talking about a different thing completely ...*

Pendapat ini seakan-akan ada benarnya kerana menurut Syed Hussein (1995: xi):

Kegagalan membezakan pelbagai jenis *rasuah* dan menempatkannya pada konteks penilaian yang tidak tepat, hanya akan menimbulkan kekacauan dan pemborosan waktu. Masalah-masalah sampingan daripada definisi hendaklah tidak menghalang kita dalam mengkaji sesuatu gejala. Orang selalu dapat dihambat oleh persoalan definisi yang tak terselesai dan menjadikannya sebagai alasan untuk menutupi atau mengaburkan gejala yang dipermasalahkan. Masalah definisi yang selalu timbul dari waktu ke waktu harus diselesaikan secara terpisah dan hendaknya tidak digunakan untuk menutup atau mengaburkan gejala seperti yang sudah dikemukakan tadi. Kalau hal ini dilakukan nescaya akan menimbulkan kekacauan di dalam analisis dan komunikasi.

“... Persoalan definisi yang tak terselesai” yang dibicarakan oleh Syed Hussein dalam petikan di atas sebenarnya perlu diselesaikan oleh ahli bahasa atau dengan kata lain dilihat dalam medium linguistik. Oleh yang demikian, makalah ini akan mencuba mengaitkan *rasuah* dengan bahasa dengan meneliti masalah kepelbagaian dan kekaburan definisi perkataan *rasuah* ini dan juga akan cuba diselesaikan dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif melalui peluasan makna perkataan *rasuah* ini. Masalah kepelbagaian dan kekaburan definisi perkataan *rasuah* ini akan dilihat dari konteks budaya dan cara hidup masyarakat Melayu dengan menggunakan data daripada karya sastera Melayu klasik.

## RASUAH: MULTI-PERSPEKTIF

Rasuah dari multi-perspektif ini terhasil daripada rangkuman permasalahan kajian rasuah dari perspektif bahasa dan sastera. Kajian multi-perspektif akan menawarkan satu cara baru kepada kajian peluasan makna sesuatu perkataan. Dengan kata lain, kajian ini menjalinkan kombinasi di antara pendekatan semantik kognitif dan peluasan makna, kajian sastera Melayu klasik, serta pertalian dan hubungan di antara pendefinisian perkataan dan tipologi *rasuah* dengan bahasa atau linguistik. Rasuah dari multi-perspektif ini juga akan memberi nafas baru kepada kajian sastera Melayu klasik kerana mengacukannya dengan pendekatan semantik kognitif dan seterusnya menghasilkan kajian yang terkini. Jika sebelum ini isu *rasuah* lebih dilihat dan dikaji dari perspektif sosiologi, tetapi dalam kajian multi-perspektif

ini, *rasuah* akan dilihat dari sudut bahasa pula. Dalam kajian multi-perspektif ini, pengkaji akan meneliti dan menganalisis peluasan makna perkataan *rasuah* yang akan dilihat dari dimensi tipologi terlebih dahulu kemudian bagaimana proses peluasan makna perkataan *rasuah* ini berlaku akan diuraikan. Tipologi *rasuah* yang akan digunakan adalah tujuh tipologi *rasuah* yang dikemukakan oleh Syed Hussein (1995) masing-masing adalah seperti *rasuah transaktif, rasuah yang memeras, rasuah investif, rasuah perkerabatan, rasuah defensif, rasuah autogenik* dan *rasuah dukungan*.

## KARYA SASTERA MELAYU KLASIK DAN SEMANTIK KOGNITIF

Ada beberapa justifikasi kepada pemilihan data karya sastera Melayu klasik ini. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- a. Teks-teks ini menjadi sumber konsep, pemerian dan pemikiran bangsa Melayu dan boleh dianggap sebagai perpustakaan ilmu sesuatu bangsa dan muncul daripada akal fikiran yang berilmu serta dapat mengalami julat pengalaman luas bangsa Melayu.
- b. Karya atau teks-teks Melayu klasik ini telah diajar di peringkat sekolah menengah hingga peringkat tinggi. Selain menjadi bacaan umum pada zaman pra-merdeka ia telah menjadi bahan yang sangat berguna dalam pendidikan sastera sehingga ke hari ini.
- c. Karya-karya sastera klasik ini juga telah diklasifikasikan sebagai karya agung yang mempunyai nilai estetika dan sejarah tamadun bangsa Melayu yang tinggi, di samping didokumentasikan oleh badan-badan yang diiktiraf oleh kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka serta Yayasan Karyawan Malaysia.

Bagi memudahkan rujukan data, maka data-data itu telah dilabelkan. Proses perlabelan data korpus dilakukan adalah bertujuan supaya pengelompokan data mengikut tipologi *rasuah* dapat dilakukan secara teratur dan bersistematik. Penulis makalah telah menggunakan sistem kurung siku untuk melabel data-data yang diperolehi. Misalnya seperti berikut:

[D1.1.10.3] Maka kata Merah Silau pada segala laskarnya, “Marilah kita muslihatkan kerbau jalang yang tiada berguna kepada tuan-tuan sekalian itu. Hamba hendak perkenakan dia”. Maka diupahnya oleh Merah Silau akan mereka itu dengan emas dan perak.

Abjad D dalam kurung siku di atas mewakili teks sumber data mengikut urutan yang diambil daripada karya sastera Melayu klasik. Angka 1 di sebelahnya pula adalah mewakili bilangan data dalam sub-data. Angka 1 yang seterusnya pula mewakili perenggan asal data dalam teks klasik. Angka 10 pula mewakili muka surat teks klasik di mana data tersebut telah diambil. Angka 3 mewakili tipologi *rasuah*. Berikut adalah kod yang telah diberikan terhadap teks sumber dan tipologi *rasuah* yang digunakan:

a) Teks Sumber

- A. Sejarah Melayu
- B. Hikayat Hang Tuah
- C. Tuhfat Al-Nafis
- D. Hikayat Raja Pasai
- E. Hikayat Terong Pipit
- F. Hikayat Merong Mahawangsa

b) Tipologi *Rasuah*

- 1. Rasuah Transaktif
- 2. Rasuah Memeras
- 3. Rasuah Investif
- 4. Rasuah Perkerabatan
- 5. Rasuah Defensif
- 6. Rasuah Autogenik
- 7. Rasuah Dukungan

Oleh itu, secara ringkasnya [D1.1.10.3] mewakili data yang diambil daripada Hikayat Raja Pasai, bilangan satu, perenggan satu, muka surat 10 dan tipologi *rasuahnya* adalah *rasuah investif*. Kesemua data dilabelkan seperti tatacara dan kod yang telah ditetapkan ini.

Data-data ini seterusnya akan dianalisis menggunakan ilmu semantik kognitif. Semantik kognitif adalah pendekatan yang bertunjangkan pengalaman (*experientalist approach*) yang mengambil kira pengalaman lampau dan alam sekeliling. Menurut pendekatan semantik kognitif, makna adalah berdasarkan struktur konseptual yang lazim

(*conventionalized conceptual structure*). Oleh itu struktur semantik mencerminkan kategori mental yang memang telah sedia ada pada manusia, berdasarkan pengalaman dan pergaulan dengan dunia sekitarnya. Struktur konseptual yang penting dalam semantik kognitif ialah skema imej (*image schema*) (Saeed 1997). Prinsip asas di sebalik skema imej ini adalah berdasarkan pengalaman manusia berada dan berinteraksi di dalam dunia ini – mengesan dan merasakan (*perceived*) keadaan di sekeliling, menggerakkan tubuh dan lain-lain lagi. Oleh itu kita membentuk struktur-struktur konseptual yang kemudian digunakan untuk menyusun pemikiran bagi domain-domain yang lebih abstrak. Semantik kognitif berkembang ekoran dari tindak balas terhadap pandangan tentang pengkategorian secara tradisional atau klasik, semantik struktural generatif dan juga teori fitur. Mengikut pandangan para tradisionalis, pengkategorian dilakukan berdasarkan fitur-fitur yang menentukan keahlian sesuatu entiti di dalam satu-satu kategori (Norsimah 2004). Ada beberapa konsep penting dalam semantik kognitif ini. Antaranya termasuklah teori prototaip, kategori jaringan radial, domain, metafora konsepsi dan skema imej.

Teori prototaip telah membuktikan bahawa pengkategorian adalah diasaskan pada beberapa prinsip kognitif dan bukannya berlandaskan pada ciri-ciri kesepunyaan sebagaimana teori klasik pengkategorian. Dalam teori klasik prototaip, setiap entiti yang mempunyai ciri-ciri yang sama akan dikategorikan dalam satu kategori. Tetapi dalam teori baru ini, satu-satu entiti itu dikategorikan mengikut ciri-ciri contoh yang masdar (*focal exemplar*). Contoh yang masdar inilah yang dinamakan *prototaip* atau teras (Hawiyah 2002). Kedudukan sesuatu entiti di dalam satu-satu kategori bergantung kepada darjah atau tahap entiti itu menyerupai contoh yang masdar. Entiti yang tidak mempunyai persamaan yang banyak dilabelkan sebagai ahli pinggiran. Oleh itu dalam pendekatan teori prototaip, kedudukan ahli di dalam satu-satu kategori adalah tidak sama; ada yang menjadi ahli teras dan ada yang menjadi ahli pinggiran. Kesimpulannya, keahlian bergantung kepada darjah atau sejauh mana ahli/entiti itu menyerupai ahli yang masdar. Model jaringan kategori radial adalah berasaskan teori prototaip bagi menerangkan proses peluasan makna sesuatu kata. Model ini menerangkan peluasan makna bagi satu-satu perkataan dengan menawarkan penerangan yang sistematis. Penjelasan tentang peluasan makna yang menggunakan kerangka jaringan radial adalah berasaskan teori prototaip. Sub-kategori teras (*central*) adalah prototaip di dalam satu-satu kategori dan peluasannya terdiri dari beberapa sub-

kategori lain yang boleh dipanggil sebagai ahli pinggiran. Ahli pinggiran ini pula kemudiannya berkemungkinan membentuk satu lagi sub-kategori teras dan mempunyai ahli pinggirannya yang tersendiri. Hubungan di antara sub-kategori teras dan sub-kategori pinggiran tidak boleh diramalkan dan bukan juga arbitrari tetapi mempunyai motivasi; dan motivasi itu konsisten serta mempunyai pola yang tersendiri.

Metafora konsepsi adalah satu bentuk mekanisme kognitif yang digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain punca untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran. Menurut Lakoff dan Johnson (1980), terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang asas iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural. Metafora orientasi ialah peluasan makna/konsep orientasi seperti DALAM-LUAR, ATAS- BAWAH, HADAPAN-BELAKANG kepada domain bukan ruang. Metafora ontologi pula ialah pengkonseptualisasian benda yang abstrak (emosi, idea, fenomena persekitaran) menjadikannya seperti benda (biasanya entiti, benda konkrit atau tempat). Misalnya, *kesihatannya semakin merosot*, kesihatan dilihat sebagai objek yang menggelongsor. Metafora struktural pula mengambil item-item yang banyak berstruktur dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami sesuatu konsep yang lain. Sebagai contoh, metafora struktur MANUSIA UMPAMA TUMBUHAN merujuk kepada perkembangan fizikal seseorang dalam perempuan muda yang sedang tumbuh (Rusmadi 2003).

Skema imej adalah satu bentuk struktur konsepsi yang penting dalam kosa ilmu semantik kognitif. Gibbs & Steen (1997), Lakoff (1987) dan Lakoff & Johnson (1980) telah mengemukakan konsep skema imej sebagai satu skemata pengetahuan yang memperkemaskan dan menyusun atur pengalaman hidup manusia yang berlaku secara berulang kali dalam satu pola ayat satuan-satuan yang koheran dan bermakna sifatnya. Skema imej adalah pengalaman *gestalts* yang muncul melalui aktiviti sensori motor semasa kita memanipulasi objek, mengorientasikan diri kita dalam ruang dan waktu serta kita mengarahkan fokus persepsi kita untuk pelbagai tujuan. Skema imej juga adalah penyusunan pengalaman dalam bentuk imej dan disimpan dalam pemikiran manusia serta dapat dicapai untuk memahami atau menjelaskan konsep yang baru. Skema imej inilah yang dianggap sebagai struktur konsepsi yang menjadi mekanisme dalam memotivasiakan peluasan semantik kata yang berpolisemi. Berdasarkan huraian di atas, makalah ini akan

cuba meneroka skema imej rasuah dan metafora konsepsi yang boleh dibentuk demi pemahaman yang lebih mantap mengenai peluasan maknanya.

### RASUAH: DEFINISI SOSIOLOGI DAN BAHASA

Sebagaimana dinyatakan di atas, makalah ini akan menggunakan tipologi rasuah Syed Hussein (1995). Enam tipologi yang dimaksudkan adalah:

- a. Rasuah **transaktif** (*transactive corruption*): perbuatan kesepakatan timbal balik antara pihak pemberi dan penerima demi keuntungan kedua belah pihak, dengan aktif diusahakan tercapainya keuntungan ini oleh kedua-duanya.
- b. **Rasuah memeras** (*extortive corruption*): pihak pemberi dipaksa untuk menuap guna mencegah kerugian yang mengancam dirinya, kepentingannya atau orang-orang dan hal-hal yang dihargainya. Pihak pemberi dipaksa untuk melakukan rasuah bagi mengelakkan sebarang kerugian yang bakal menimpa diri atau kepentingannya.
- c. **Rasuah investif** (*investive corruption*): pemberian barang atau jasa tanpa ada pertalian langsung dengan keuntungan tertentu, selain keuntungan yang dibayangkan akan diperoleh di masa yang akan datang. Penyuapan yang pihak pemberinya bersalah sedang pihak penerimanya tidak bersalah.
- d. **Rasuah perkerabatan** (*nepotistic corruption*): penunjukan yang tidak sah terhadap teman atau sanak-saudara untuk memegang jawatan dalam pemerintahan, atau tindakan yang memberikan perlakuan yang mengutamakan dalam bentuk wang atau bentuk-bentuk lain kepada mereka secara bertentangan dengan norma dan peraturan yang berlaku. Juga pengangkatan sanak saudara, teman-teman atau rakan-rakan politik pada jabatan-jabatan awam tanpa memandang jasa mereka mahupun konsekuensinya pada kesejahteraan awam.
- e. **Rasuah defensif** (*defensive corruption*): perilaku korban rasuah dengan pemerasan dalam rangka mempertahankan diri atau rasuah yang dilakukan oleh seseorang untuk mempertahankan dirinya.
- f. **Rasuah autogenik** (*autogenic corruption*): dilakukan seorang diri atau secara individu. Satu bentuk rasuah yang tidak melibatkan orang lain dan pelakunya hanya seorang sahaja. Selalunya melibatkan pemalsuan.

Setelah diteliti data daripada karya agung, terdapat enam daripada tujuh tipologi *rasuah* yang hadir dalam karya sastera Melayu klasik. *Rasuah dukungan* (*supportive corruption*) tidak terdapat di dalam teks klasik yang telah diteliti. Tipologi *rasuah* yang paling kerap hadir dalam karya sastera Melayu klasik adalah *rasuah transaktif*, diikuti oleh *rasuah*

*investif, rasuah perkerabatan, rasuah yang memeras, rasuah defensif dan rasuah autogenik.* Berdasarkan penggunaan 78 tipologi *rasuah* dalam karya sastera Melayu klasik, pengkategorianya adalah seperti berikut: satu makna teras dan lima makna pinggiran. Peluasan makna perkataan *rasuah* berlaku berdasarkan pengkategorian mengikut domain utamanya iaitu sama ada bersifat sehala atau dua hala. Berdasarkan dua domain utama ini, maka wujudnya makna teras dan makna pinggiran bagi perkataan *rasuah*. Makna teras bagi perkataan *rasuah* adalah *rasuah transaktif*. Makna pinggiran pertama bagi perkataan *rasuah* ini pula adalah *rasuah investif*. Makna pinggiran kedua pula ialah *rasuah perkerabatan* diikuti dengan *rasuah yang memeras, rasuah defensif* dan *rasuah autogenik*. Tipologi *rasuah* yang berada dalam domain dua hala adalah *rasuah transaktif, perkerabatan* dan *rasuah defensif*. Manakala bagi tipologi *rasuah* yang melibatkan domain satu hala adalah *rasuah investif, rasuah memeras* dan *rasuah autogenik*.

### Makna Teras Perkataan *Rasuah*

Makna teras bagi perkataan *rasuah* ini adalah berkaitan dengan *rasuah transaktif* iaitu dalam domain kesepakatan. *Rasuah transaktif* merujuk kepada perbuatan memberi dan menerima sesuatu barang atau perkhidmatan yang melibatkan hubungan dua hala antara pemberi dan penerima serta memberikan keuntungan kepada kedua belah pihak. Data [A8.7.170.1] adalah contoh yang memaparkan gejala *rasuah transaktif* yang terdapat dalam karya sastera Melayu klasik.

[A5.3.120.1] Ada seorang anak baginda perempuan, terlalu baik parasnya maka dipinang oleh Raja Kuci, maka tiada diberi oleh Pau Kubah. Maka diserangnya oleh Raja Kuci, maka peranglah orang Kuci dengan orang Cempa terlalu ramai, tiada beralah. **Maka pada suatu hari Raja Kuci menyuruh pada penghulu bendahari Cempa membawanya muafakat diberi emas dan harta terlalu banyak. Maka penghulu bendahari Cempa pun kabullah,** serta telah dinihari maka dibukakannya pintu kota oleh penghulu bendahari Cempa. Maka segala orang Kuci pun masuklah ke dalam kota Bal, maka beramuklah dengan orang Cempa. Maka kota Bal pun alahlah.


Perlakuan *rasuah transaktif* dikategorikan sebagai perbuatan yang sepakat, melibatkan dua pihak iaitu pihak yang memberi *rasuah* dan pihak yang menerima *rasuah*. Dalam data korpus [A5.3.120.1], pihak pemberi ialah Raja Kuci manakala pihak yang menerima *rasuah* pula ialah penghulu bendahari Cempa. Perbuatan *rasuahnya* ialah memberi emas

kepada penghulu bendahari tersebut. Raja Kuci memberi emas kepada penghulu bendahari supaya penghulu bendahari tersebut dapat membuka pintu kota Bal. Setelah penghulu bendahari itu menerima emas dan harta, maka permintaan Raja Kuci itu telah ditunaikan oleh penghulu bendahari yang tidak setia itu. Perbuatan timbal balik ini jelas menunjukkan wujudnya kesepakatan antara Raja Kuci dengan penghulu bendahari Cempa tersebut. Perbuatan timbal balik yang telah disebutkan di atas boleh disamakan dengan hubungan dua hala. Kita akan mengkategorikan sesuatu perbuatan itu melibatkan hubungan dua hala apabila kedua-dua pihak mendapat hasil atau faedah yang menguntungkan. Misalnya, Raja Kuci telah memberi emas kepada penghulu bendahari lalu penghulu bendahari itu telah membuka pintu kota Bal. Kedua-dua pihak ini dianggap untung kerana, hasrat Raja Kuci telah tercapai apabila penghulu bendahari membuka pintu kota setelah diberikan emas dan harta, dan penghulu bendahari itu pula telah menerima habuannya iaitu emas. Emas dianggap sesuatu barang yang sangat berharga, dan sudah tentulah sesiapa yang memiliki emas itu adalah seorang yang mendapat untung.

Bagaimana berlakunya *rasuah transaktif* ini boleh diperjelaskan lagi berdasarkan prinsip kognitif seperti skema imej penghubung (*link*). Skema imej penghubung ini adalah berdasarkan metafora ontologi yang mengkonsepsikan RASUAH ADALAH SATU ENTITI PENGHUBUNG. Metafora antologi ialah pengkonseptualisasian benda yang abstrak (emosi, idea yang abstrak, fenomena persekitaran) menjadikannya seperti benda (biasanya entiti, benda konkrit atau tempat). Skema imej penghubung mewujudkan hubungan yang mengawal dengan yang dikawal apabila kedua-duanya berada dalam satu persekitaran. Penghubung ini boleh sama ada dalam bentuk abstrak atau konkrit menyebabkan satu pihak dikawal oleh pihak yang satu lagi (Lakoff 1987). *Rasuah* yang dianggap sebagai satu entiti penghubung antara dua pihak dapat dilihat menerusi perkataan *muafakat* dalam data [A5.3.120.1] seperti berikut:

Maka pada suatu hari Raja Kuci menyuruh pada penghulu bendahari Cempa **membawanya muafakat diberi emas dan harta terlalu banyak**. Maka penghulu bendahari Cempa pun kabullah, serta telah dimihari maka dibukakannya pintu kota oleh penghulu bendahari Cempa.

Berdasarkan ungkapan ... **membawanya muafakat diberi emas dan harta terlalu banyak** jelas memperlihatkan unsur perhubungan. Apabila adanya kemuafakatan, maka akan wujudlah perhubungan antara dua pihak. Didapati bahawa perkataan *muafakat* secara kognitifnya berkait rapat dengan skema penghubung. Setiap kata tersebut mencetuskan imej penghubung antara dua pihak, iaitu satu pihak akan dikawal oleh satu pihak lagi. Perkataan *muafakat* bermaksud sesuatu yang dipersetujui atau kesepakatan. Menerusi skema imej penghubung, *rasuah* telah mencetuskan kemuafakatan antara dua pihak lalu ia menjadi entiti yang menghubungkan dua pihak yang dikawal serta pihak yang mengawal.



Rajah 1: Skema imej *rasuah transaktif*

Petunjuk:

LM - Landmark

TR - Trajector

X - Rasuah

Melalui Rajah 1, dapat difahami bahawa dalam transaksi atau hubungan pertama (1), pemberi akan memberi *rasuah* (X) kepada penerima. Dalam transaksi kedua (2) pula, penerima *rasuah* akan berperanan sebagai pemberi, manakala penerima dalam hubungan pertama bertukar peranan sebagai pemberi dalam transaksi kedua. Garisan - - - - dalam Rajah 1 menggambarkan peranan pemberi dan penerima dalam kedua-dua transaksi ini adalah berbeza. Transaksi atau hubungan pertama dan kedua inilah yang telah mewujudkan hubungan dua hala dalam *rasuah transaktif*. Istilah *trajector* (TR) dan *landmark* (LM) telah diperkenalkan oleh Langacker (1987) dalam tatabahasa kognitif beliau. TR ialah peserta yang diberikan tumpuan dalam satu senario yang diprofilkan. LM ialah titik tumpuan dan lazimnya menjadi peserta sokongan dalam satu-satu senario yang diprofilkan itu. TR biasanya entiti yang bergerak dan saiznya pula lebih kecil daripada LM. Menurut Ungerer dan Schamid (1996: 161), *trajector* "...stand for the figure or most prominent element in any relational structure" manakala *landmark* pula merujuk kepada "... the other entity in a relation".

Fenomena *rasuah transaktif* ini masih berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini terutamanya dalam bidang politik seperti amalan membeli undi atau politik wang berbentuk wang ringgit. Satu contoh lagi tentang *rasuah transaktif* ini ialah kes membeli undi oleh Tan Sri Isa Samad. Isa didakwa menyogok sejumlah wang pada pengundi dan sebagai balasan beliau menduduki tangga pertama dalam pemilihan Naib Presiden UMNO. Majlis Tertinggi UMNO pada bulan Oktober 2005, telah mengambil keputusan mengekalkan hukuman penggantungan keahlian terhadap Tan Sri Mohd. Isa Samad walaupun telah mengurangkan hukuman enam tahun kepada tiga tahun. Hukuman tersebut diputuskan selepas bekas Naib Presiden UMNO itu didapati terlibat dalam politik wang, berkuat-kuasa 24 Jun 2005. Dengan keputusan itu, Mohd. Isa perlu melepaskan jawatan menteri Kabinet. Beliau dikenakan hukuman gantung keahlian kerana didapati bersalah atas lima daripada sembilan kesalahan melibatkan politik wang (Azran Fitri Rahim 2005).


### **Makna Pinggiran Perkataan *Rasuah***

Makna pinggiran pertama bagi perkataan *rasuah* ini adalah *rasuah investif* yang melibatkan domain sukarela iaitu pemberian sesuatu barang/entiti secara sukarela oleh pemberi kepada penerima dengan tujuan untuk mendapat pembalasan pada masa akan datang. Contoh data

yang berkaitan dengan *rasuah investif* ini adalah seperti yang dipaparkan di bawah ini. Rajah 2 pula, memaparkan skema imej bagi *rasuah investif*.

[A5.2.193.3] Maka bendahara pun keluar. Maka emas yang sepuluh kati itupun dipersembahkan pada Bendahara. Maka kata Nina Sura Dewana pada Bendahara, “**Tuanku, emas ini persempahan saya akan pembeli-pembeli sirih pinang Tuanku**”. Maka kata Bendahara, “Baiklah, tuan hamba memberi hamba, hamba ambil”.

[C1.3.109.3] Maka Raden Jaga pun berkerahlah menyuruh orang orangnya sedia menahan langgar orang-orang Sebukit itu dan Dayak pun dikumpulkannya beribu-ribu serta **mengeluarkan beberapa belanja-belanja kepada Dayak itu**, siang malam dengan berjaga hingga susahlah di dalam negeri Pinang Sekayuk itu



Rajah 2: Skema imej *rasuah investif*

Petunjuk:

LM - Landmark

TR - Trajector

X - Rasuah

Berdasarkan Rajah 2, *rasuah investif* hanya melibatkan hubungan sehala di antara pemberi dengan penerima. Pemberi akan memberi *rasuah* (X) yang dirujuk sebagai TR kepada penerima (LM). Pemberian *rasuah* dilakukan secara sukarela oleh pemberi. *Rasuah*

jenis ini lebih bersifat pelaburan jangka panjang kerana pemberi *rasuah* tidak akan menerima habuannya daripada penerima dalam masa terdekat. Berdasarkan skema imej penghubung dan metafora konsepsi RASUAH ADALAH SATU ENTITI PENGHUBUNG pengkategorian terhadap *rasuah investif* ini telah dapat dilakukan. Dalam hubungan sehalia ini, *rasuah* telah menjadi satu entiti penghubung antara pemberi dan penerima *rasuah*. Ini dapat dilihat menerusi contoh berikut:

“Tuanku, emas ini **persembahan saya akan pembeli-pembeli** sirih pinang Tuanku”. Maka kata Bendahara,...

...dikumpulkannya beribu-ribu serta mengeluarkan beberapa **belanja-belanja kepada Dayak itu**, siang malam dengan...

*Persembahan* dan *belanja* merupakan entiti yang digunakan untuk menghubungkan dua pihak. Dalam konteks *rasuah investif* ini, pemberi secara sukarela memberi *rasuah*. Dengan kata lain, penerima *rasuah* tidak meminta *rasuah* tersebut daripada pemberi *rasuah*. *Persembahan* atau *hadiyah* dan *belanja* atau *upah* telah menonjolkan skema imej penghubung iaitu menghubungkan pemberi dan penerima *rasuah*.

Dalam data [A5.2.193.3], Nina Sura Dewana telah merasuah Bendahara dengan memberi emas. Nina Sura Dewana mengatakan tujuan pemberian emas itu adalah untuk kegunaan Bendahara membeli sirih pinang. Tetapi dalam konteks ini, ia dianggap sebagai pelaburan untuk mengeratkan lagi hubungan Nina Sura Dewana dan Bendahara. Secara implisitnya, pada masa akan datang apabila hubungan kedua pihak ini baik dan akrab maka amat mudahlah bagi Nina Sura Dewana meminta pertolongan atau mempergunakan Bendahara demi kepentingan peribadinya. Dalam sistem politik dan pentadbiran masyarakat Melayu tradisional, Bendahara merupakan orang pertama penting selepas Sultan. Bendahara mengetuai sistem pembesar dan mempunyai kuasa yang lebih tinggi daripada pembesar yang lain. Bendahara berperanan sebagai ketua pegawai pentadbiran, pemerintah tertinggi dalam angkatan bersenjata, pertahanan dan adat istiadat di raja, berurusan dengan saudagar asing dan sebagainya (Fauziah & Ruslan 2000). Oleh kerana Bendahara merupakan orang penting dan berpengaruh maka sesiapa yang mempunyai hubungan yang rapat dan baik dengannya akan turut memperolehi ‘tempiasnya’.

Dalam data [C1.3.109.3] pula, Raden Jaga secara sukarelanya telah mengeluarkan belanja atau memberi perbelanjaan kepada dayak-dayak di negeri Pinang Sekayuk itu. Dengan memberi *rasuah*, Raden Jaga mengharapkan pada masa akan datang, penerima *rasuahnya* itu akan menyokongnya dan memberikan taat setia kepadanya apabila diminta. Jelas di sini bahawa, Raden Jaga cuba menjaga kepentingan dirinya di masa akan datang. Oleh yang demikian, berdasarkan dua data yang diambil daripada karya sastera Melayu klasik, *rasuah investif* ini dilakukan melalui pemberian sesuatu barang/entiti secara sukarela oleh pemberi kepada penerima dengan tujuan untuk mendapat pembalasan pada masa akan datang. Pembalasan yang akan diterima itu lebih kepada menjaga kepentingan diri dan menguntungkannya. Selain itu juga, pemberi *rasuah* dalam *rasuah investif* ini boleh dikategorikan bersalah kerana memberi sesuatu barang ataupun entiti dengan niat yang berunsur negatif dan terselindung. Dalam konteks ini juga, penerima *rasuah investif* ini boleh dianggap tidak bersalah kerana tidak mengetahui langsung niat sebenar si pemberi *rasuah*.

Dalam konteks hari ini, *rasuah investif* masih dilakukan di negara ini. Misalnya, seorang peniaga akan memberi hadiah kepada penguasa yang menguruskan bahagian perlesenan perniagaan dengan harapan pada masa akan datang, permohonan lesen yang dilakukan akan diproses dengan cepat. Ataupun perbuatan seorang kontraktor yang memberi hadiah, duit kopi atau ‘ang pow’ kepada pegawai-pegawai tertinggi yang menguruskan sesuatu projek pembinaan atau sebagainya. Perbuatan ini secara tersiratnya seolah-olah untuk membodek pegawai-pegawai tersebut bagi memperolehi sebarang peluang yang boleh menguntungkan kontraktor tersebut. Selain itu juga sudah menjadi semacam *trend* sebelum berlakunya pilihan raya atau waktu hampir berlakunya pilihan raya, terutamanya pilihan raya kecil yang melibatkan sesuatu kawasan dewan undangan negeri (DUN), akan berlaku proses pembangunan yang rancak dan bersifat kilat. Pembangunan tersebut adalah seperti menaik taraf jalan raya, pemasangan lampu jalan dan sebagainya. Walaupun pembangunan ini tidak diminta oleh penduduk kawasan tersebut, tetapi secara implisitnya, ahli politik yang bakal bertanding dalam pilihan raya tersebut mengharapkan sokongan dan undian daripada penduduk kawasan tersebut. Dengan melakukan pelbagai kemajuan dan menabur bakti, semasa hari mengundi ahli politik tersebut mengharapkan kemenangan berpihak kepadanya.

Seterusnya, makna pinggiran kedua perkataan *rasuah* ini adalah dalam domain menerima jawatan iaitu *rasuah perkerabatan*. *Rasuah* jenis ini dilakukan apabila sesuatu jawatan itu diberikan kepada keturunan yang sama, kaum keluarga atau saudara mara untuk memegang atau diberi sesuatu jawatan dalam sesebuah organisasi. Dalam makalah ini, penulis hanya meneliti *rasuah perkerabatan* yang berlaku pada peringkat pembesar atau pegawai-pegawai kerajaan atau sesiapa yang berkhidmat dengan sultan/raja sahaja. *Rasuah perkerabatan* atau *nepotisme* yang melibatkan golongan sultan/raja tidak disentuh kerana dalam politik tradisional, sistem monarki telah digunakan. Hal ini bermakna pertabalan anak sultan yang telah dipilih untuk menjadi pengganti ayahandanya secara tradisi dilakukan dengan mutlak dan tidak boleh dibantah atau ditolak oleh sesiapapun. Kebiasaannya, sistem pewarisan takhta adalah mengikut sistem *patrimonial* iaitu mementingkan keturunan sebelah bapa. Oleh itu, ia tidak boleh dianggap sebagai *nepotisme*. Hal ini berlaku kerana sultan/raja dianggap mempunyai daulat dan sesiapa yang mengingkari perintah atau kemahuan sultan, mereka akan menerima tulah atau kesialan. Daulat adalah suatu sifat kekuasaan atau hak tertinggi yang dikhaskan kepada golongan raja sahaja. Konsep daulat inilah yang membuatkan masyarakat Melayu tradisional begitu taat dan setia kepada sultan/raja yang memerintah.

Berlainan pula dengan golongan pembesar atau sesiapa yang berkhidmat kepada sultan, pemilihan pengganti mereka tidak dilakukan secara monarki. Pemilihan yang tidak adil dengan tidak memberi peluang kepada orang lain dan hanya mengekalkan jurai keturunannya untuk memegang sesuatu jawatan ini dianggap sebagai *rasuah perkerabatan* atau *nepotisme* seperti yang terdapat dalam data-data berikut:

[A4.3.143.4] Bermula Seri Rama pun sudah mati, anaknya pula **ganti** Panglima Gajah, bergelar Seri Rama juga. Martabatnya seperti ayahnya juga.

[A5.9.154.4] Adapun akan Bendahara Seri Maharaja, banyak anaknya, yang tua sekali laki-laki, Tun Hasan namanya, terlalu baik rupanya dan perwira lakunya, ialah jadi temenggong akan **ganti** ayahnya.


Perbuatan *rasuah perkerabatan* ini boleh dijelaskan dengan menggunakan skema imej penghubung yang didasari oleh metafora konsepsi RASUAH ADALAH SATU ENTITI PENGHUBUNG. Perkataan *ganti* dalam data-data di atas jelas membayangkan adanya

unsur kesinambungan yang membawa kepada imej penghubung. Ia bukan sahaja menghubungkan atau menurunkan sesuatu jawatan daripada ayah kepada anaknya, tetapi jawatan tersebut turut menghubungkan pemberi jawatan kepada penerima jawatan. Berdasarkan skema imej penghubung, jawatan merupakan satu entiti yang menghubungkan pemberi (pemerintah) dengan penerima jawatan melalui metafora konsepsi JAWATAN ADALAH SATU ENTITI PENGHUBUNG. *Rasuah perkerabatan* ini juga melibatkan hubungan dua hala antara penerima dan pemberi. Dalam hubungan pertama, pemberi akan memberi jawatan kepada penerima. Kebiasaannya, pemberi merupakan golongan pemerintah atau pentadbir. Kemudian, dalam hubungan yang kedua, penerima jawatan tadi akan bertindak sebagai pemberi pula. Dalam hal ini, penerima jawatan akan memberi perkhidmatannya (X) kepada pemberi jawatan dan peranan pemberi jawatan dalam hubungan pertama telah bertukar menjadi penerima dalam hubungan kedua ini.

*Rasuah perkerabatan* ini dikategorikan sebagai tidak adil kerana hanya satu kerabat atau kelompok sahaja yang layak atau diangkat untuk memegang sesuatu jawatan. Ia juga lebih bersifat menjaga kepentingan dan mementingkan diri sendiri kerana mengekalkan keturunan dalam menerima jawatan tersebut tanpa memandang kepada kebolehan dan keupayaan seseorang itu untuk menerima sesuatu jawatan itu. Jika satu keturunan sahaja yang diberi memegang sesuatu jawatan, maka pengganti daripada keturunan atau keluarga yang lain yang lebih berwibawa dan berkeupayaan untuk menjalankan tugas dengan lebih baik tidak akan dilantik atau terpilih.

Dalam contoh ayat [A4.3.143.4], anak Seri Rama telah dilantik menggantikan ayahnya menjadi Panglima Gajah. Dalam ayat [A.5.154.4] pula, anak Bendahara Seri Maharaja yang paling tua, iaitu Tun Hasan telah menggantikan bapanya dan menjadi seorang temenggong. Mengapakah anak sahaja yang dipilih untuk menggantikan bapa mereka? Persoalan ini dapat diperjelaskan dengan menggunakan skema imej tatatingkat seperti dalam Rajah 3. Dalam rajah tersebut, kedudukan anak adalah paling atas berbanding dengan cucu dan cicit. Berdasarkan metafora konsepsi LEBIH BAIK ITU DI ATAS, maka anak yang akan dipilih untuk menggantikan bapanya. Istilah ‘lebih baik’ dalam konteks ini adalah seorang anak sangat sesuai dipilih untuk menggantikan bapa mereka untuk menerima atau memegang sesuatu jawatan yang diberikan oleh golongan pemerintah.

Oleh yang demikian, *rasuah perkerabatan* ini dikategorikan sebagai perbuatan melantik atau mengangkat seseorang (terutamanya anak) daripada keturunan yang sama untuk memegang atau diberi sesuatu jawatan, tanpa melihat kepada kebolehan dan kewibawaannya. Ia bersifat dua hala dan menguntungkan dua pihak iaitu di antara golongan pemerintah (pemberi) dengan penerima jawatan tersebut.



Rajah 3: Hierarki anak, cucu dan cicit dalam keluarga

Dalam konteks masa kini pula, *rasuah perkerabatan* ini bukan sahaja dilakukan oleh mereka yang berkhidmat dengan sultan/raja sahaja tetapi telah menular ke dalam sesebuah organisasi. Sebagai contoh, majlis angkat sumpah ahli Majlis Perbandaran Klang yang dijadualkan diadakan pada pertengahan bulan Oktober 2006 yang lalu telah ditangguh. Keputusan tersebut memberi tamparan kepada ahli Dewan Undangan Negeri Pelabuhan Klang, Datuk Zakaria Md. Deros yang bakal dilantik semula sebagai ahli majlis MPK bersama anak lelakinya, Zainuri dan menantunya Roselinda Abdul Jamil. Penangguhan majlis angkat sumpah itu berpunca daripada pelantikan ahli majlis MPK membabitkan tiga ahli keluarga Zakaria sendiri. Jelas di sini bahawa terdapatnya perlakuan *rasuah perkerabatan* dalam pelantikan ahli majlis MPK ini. Tindakan Zakaria mempunyai atau memperlihatkan unsur-unsur *rasuah perkerabatan*. Yang menjadi isunya di sini ialah Dato Zakaria bukan seorang raja yang boleh mengamalkan sistem monarki. Sebagai rakyat biasa, beliau tidak sepatutnya mengamalkan *rasuah perkerabatan* ini (Anon a. 2006).

Makna pinggiran keempat bagi perkataan *rasuah* ini adalah dalam domain pemberi terpaksa memberi *rasuah* iaitu *rasuah defensif*. Pemberi terpaksa memberi *rasuah* kerana

untuk mempertahankan diri dan kepentingannya. Namun begitu, *rasuah* jenis ini menguntungkan pihak pemberi *rasuah* dan pihak yang menerima *rasuah*. Berikut adalah contoh data yang melibatkan *rasuah defensif*:

[A16.2-7.46.5] Beberapa lamanya di jalan, maka sampailah ke negeri Syahrun Nuwi. Maka Sidi Ali Ghiyathuddin pun turunlah ke darat, lalu menghadap Raja Syahrun Nuwi, **membawa persembahan** sepohon kayu emas dan buahnya daripada pelbagai permata, sekira-kira sebahara emas harganya. Telah Raja Shahrur Nuwi melihat persembahan itu, maka titah baginda, “Apa kehendakmu kepada aku?” [P2]

Maka sembah Sidi Ali Ghiyathuddin, “Tiada apa saya kehendak”. Maka baginda pun terlalu sukacita, serta hairan melihat persembahan mereka itu. Maka Raja Syahrun Nuwi fikir di dalam hatinya “Apa juga kehendaknya mereka itu sekalian, maka demikian persembahannya kepada aku?” [P3]

Maka sekalian mereka itupun kembali ke kapalnya. Hatta, berapa hari antaranya, maka nakhoda kapal itupun datang pula menghadap Raja Shahrur Nuwi, seraya **membawa persembahan** papan catur emas, buahnya permata, itupun ada himat sebahara emas. Maka Raja Syarun Nuwi, bertitah pula “Apa juga kehendakmu kepada aku, supaya aku beri akan kamu?”. [P4]

Maka sembah mereka itu, “Tiada suatu apa kehendak kami”. Maka mereka itupun kembali ke kapalnya. Telah beberapa hari antaranya, musim pun sampai akan kembali pulang. Maka Sidi Ali Ghiyathudin hendak belayar kembali, maka ia pun naik menghadap Raja Syahrun Nuwi **membawa persembahan** itik emas bertatahkan ratna mutu manikam, dua ekor, laki- bini, dan sebuah pasu emas diisinya air penuh. Maka itik itupun keduanya dilepaskan di dalam pasu emas itu, maka itik itupun berenanglah, menyelam, berhambat-hambatan. Maka Raja Shahrur Nuwi pun terlalu amat hairan melihat persembahan itik hikmat itu. Maka sabda Raja Shahrur Nuwi, “Berkata benarlah kamu sekalian ini, apa juga kehendak kamu? Demi Tuhan yang aku sembah ini barang kehendak kamu tiada aku tahan”. [P5]

Syahdan, maka sembah Sidi Ali Ghiyathudin. “Ya Tuanku, jikalau ada kurnia raja akan kami sekalian, orang gembala ayam raja itu kami pohonkan ke bawah duli raja”. [P6]

Maka titah Raja Syahrun Nuwi, “Adapun ia ini Raja Samudera, oleh kamu kehendaki, baiklah aku **anugerahkan**”. [P7]

*Rasuah defensif* bersifat dua hala di antara pihak pemberi dan pihak penerima kerana melibatkan dua proses transaksi. Berdasarkan data [A16.2-7.46.5], Sidi Ali Ghiyathuddin terpaksa merasuh Raja Syahrun Nuwi untuk menyelamatkan Raja Samudera yang telah ditawan oleh Raja Syahrun Nuwi. Dalam transaksi pertama, Sidi Ali Ghiyathuddin bertindak sebagai pemberi manakala Raja Syahrun Nuwi pula berperanan sebagai penerima. Seterusnya, dalam transaksi kedua Raja Syahrun Nuwi pula berperanan sebagai pemberi kerana Sidi Ali Ghiyathuddin menjadi peminta. Sidi Ali Ghiyathuddin


telah meminta kepada Raja Syahrun Nuwi supaya memberikan atau memulangkan kembali Raja Samudera kepadanya.

Dalam konteks ini, Sidi Ali Ghiyathuddin telah mencuba untuk menyelamatkan Raja Samudera. Perbuatan ini merupakan satu cara untuk mempertahankan kembali kepentingannya, kerana Sidi Ali Ghiyathuddin merupakan mamanda menteri kepada Raja Samudera. Maka sudah tentulah Raja Samudera itu merupakan satu entiti yang penting kepada Sidi Ali. Selain menunjukkan taat setia kepada Raja Samudera, perbuatan Sidi Ali dianggap sebagai menebus kembali kedaulatan Samudera kerana telah berjaya membebaskan Raja Samudera yang telah ditawan itu. Sidi Ali telah berjaya membebaskan Raja Samudera kerana telah merasuh Raja Syahrun Nuwi. Apabila Raja Syahrun Nuwi menerima *rasuah*, maka segala permintaan Sidi Ali telah ditunaikan.

Pengkonsepsian *rasuah defensif* ini boleh diperjelaskan lagi berdasarkan prinsip kognitif seperti skema imej penghubung (*link*). Berdasarkan data, *persembahan* dan *anugerah* telah menjadi entiti yang menghubungkan dua pihak, iaitu antara pemberi dan penerima. *Persembahan* dan *anugerah* ini membayangkan skema imej penghubung kerana melalui dua entiti ini, dua pihak telah dapat dihubungkan untuk menjalankan sesuatu urusan. Frasa *membawa persembahan* juga telah membayangkan unsur penghubung kerana berdasarkan data, persembahan yang dibawa oleh Sidi Ali itu hendak diberikan kepada Raja Syahrun Nuwi. Jelas di sini bahawa, skema imej penghubung digunakan untuk mengkonsepsikan *rasuah defensif*. Skema imej penghubung ini adalah berdasarkan metafora antologi yang mengkonsepsikan RASUAH ADALAH SATU ENTITI PENGHUBUNG. Apabila ada entiti yang menghubungkan, maka akan wujud pula pihak yang dikawal dan pihak yang mengawal. Kebiasaannya, peminta yang akan mengawal pemberi *rasuah*. Dalam contoh data [A16.2-7.46.5], Sidi Ali Ghiyathuddin yang begitu dominan peranannya dalam *rasuah defensif* ini telah mengawal Raja Syahrun Nuwi dengan memintanya membebaskan Raja Samudera. Melalui dua proses transaksi, kedua-dua pihak telah mendapat keuntungan masing-masing. Sidi Ali telah berjaya menyelamatkan Raja Samudera, manakala Raja Syahrun Nuwi pula telah menerima pelbagai habuan daripada Sidi Ali. Oleh yang demikian, *rasuah defensif* dapat difahami sebagai perbuatan di mana pemberi terpaksa memberi *rasuah* kerana untuk

mempertahankan diri dan kepentingannya. *Rasuah* jenis ini menguntungkan pihak pemberi *rasuah* dan pihak yang menerima *rasuah* serta bersifat dua hala.

Makna pinggiran seterusnya bagi perkataan *rasuah* ini adalah dalam domain pemberi dipaksa memberi *rasuah* iaitu *rasuah memeras*. *Rasuah* ini mempunyai unsur paksaan. Peminta *rasuah* akan memaksa pemberi untuk memberi *rasuah*. Pemberi dipaksa memberi *rasuah* kepada peminta untuk mengelakkan sebarang kerugian yang mengancam pihak pemberi. *Rasuah memeras* ini boleh digambarkan dalam Rajah 4. *Rasuah memeras* ini juga boleh dikonseptualisasikan melalui skema imej daya. Skema imej daya ini adalah berdasarkan metafora konsepsi yang mengkonsepsikan RASUAH ADALAH PUNCA DAYA UNTUK MEMERAS. Dalam hal ini, *rasuah* menjadi punca seseorang itu melakukan pemerasan. Melalui skema imej daya, peminta dengan menggunakan daya/kuasa yang ada padanya akan memaksa pemberi untuk memberi *rasuah*.



Rajah 4: Skema imej *rasuah memeras*

Petunjuk:

LM - Landmark

TR - Trajector

X - Rasuah

Berdasarkan Rajah 4, peminta (LM) akan memeras pemberi untuk memberi *rasuah* (X) dan ia hanya melibatkan satu proses transaksi sahaja. Pemberi yang telah dipaksa untuk memberi *rasuah* (TR) akan terpaksa memberi *rasuah* kepada peminta (LM). Pemberi terpaksa memberi *rasuah* kerana, peminta dengan daya dan kuasa yang ada padanya telah mengugut dan mengancam pemberi. Sekiranya permintaan peminta *rasuah* tidak diikuti, maka pemberi *rasuah* akan dianaya atau dizalimi. *Rasuah* jenis ini dilakukan sebelum berlakunya sebarang kerugian terhadap pemberi *rasuah*. Dua data yang berikut memaparkan contoh perbuatan *rasuah memeras*:

[D1.2.26.2] “Dari mana datang perahu ini dan hendak ke mana kamu ini dan apa maksud kamu ini?” Maka sahutnya orang perahu itu, “Adapun perahu kami ini datangnya dari benua Siam dan akan maksud kami disuruhkan oleh raja Siam minta ufti negeri ini. Jikalau ada seperti maksud kami ini, nescaya kembalilah kami membawa ufti, dan jikalau tiada seperti demikian itu, nescaya **kami perangilah negeri kamu ini**, dan Talak Sejang nama panglimanya”.

Perkataan *perangi* dalam data korpus di atas menggambarkan *skema daya*. Secara kognitifnya, peperangan sangat berkait rapat dengan skema daya yang menonjolkan unsur kekerasan, keganasan, paksaan dan penindasan. Unsur-unsur ini jelas dimanifestasikan dengan konsep daya. Oleh itu, skema imej daya boleh mengkonsepsikan *rasuah memeras*. Data [D1.2.26.2], Raja Siam melalui wakilnya, telah memaksa kerajaan Pasai membayar ufti kepada kerajaan Siam. Ufti dalam konteks ini adalah merupakan satu *rasuah*. Sekiranya kerajaan Pasai tidak membayar ufti kepada kerajaan Siam, maka Pasai akan diserang oleh Siam. Oleh itu, kerajaan Siam dikategorikan sebagai peminta, manakala kerajaan Pasai pula dikategorikan sebagai pemberi *rasuah*. Didapati bahawa, dalam *rasuah memeras* ini, pemberi *rasuah* tidak bersalah, tetapi peminta *rasuah* yang bersalah kerana telah memaksa dan mengugut pemberi supaya memberi *rasuah*. Kesimpulannya, *rasuah memeras* ini bolehlah dianggap sebagai perbuatan di mana pemberi dipaksa memberi sesuatu entiti (cukai, ufti dan lain-lain) kepada peminta untuk mengelakkan sebarang kerugian yang mengancam pihak pemberi. *Rasuah* jenis ini bersifat sehala. Ia juga dilakukan bertujuan untuk mencegah atau untuk mengelak kerugian serta mempertahankan diri atau kepentingan pemberi *rasuah*.

*Rasuah memeras* ini masih berlaku dalam masyarakat kita pada waktu ini. Misalnya, seorang anggota polis berpangkat sarjan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur pada awal Disember 2006 yang lalu atas tuduhan menerima *rasuah* wang tunai RM600. Anggota polis tersebut didakwa menerima suapan itu daripada seorang lelaki berbangsa India sebagai upah supaya tidak mengambil tindakan terhadapnya kerana kesalahan meletakkan van syarikat di tempat letak motosikal. Anggota polis ini juga telah melakukan pemerasan terhadap lelaki India itu, iaitu meletakkan ganja ke dalam van syarikatnya sehingga mendatangkan ketakutan kepada mangsa. Oleh kerana dirinya terancam dan dianiaya serta telah dipaksa untuk memberi *rasuah* maka lelaki India tersebut telah merasuh anggota polis itu (Anon b. 2006).

Makna pinggiran seterusnya adalah *rasuah autogenik*. *Rasuah autogenik* melibatkan domain perbuatan atau aktiviti pemalsuan dan pecah amanah. Berikut adalah paparan data korpus mengenai *rasuah autogenik*:

[F6.2.90.6] Setelah tentulah pengajaran penghulu iblis itu, maka ia pun undurlah daripada tempat itu, pergi pula pada suatu kedai seorang saudagar yang besar lagi pandai berniaga. Maka banyaklah dagang senteri datang ke kedai itu berjual beli segala dagangan. Maka saudara itu pun adalah ia menaruh kati kecil suatu dan besar suatu dan menaruh cupak besar kecil. Maka saudagar itu pun **bertimbang dan bersukat dengan cupak yang kecil**, maka ia **menerima dengan cupak yang besar dan menerima timbangan dengan kati yang besar**.


Berdasarkan contoh ayat [F6.2.90.6] di atas, seorang saudagar telah melakukan pemalsuan atau penipuan dalam aktiviti sukat dan menimbang. Saudagar ini telah menggunakan dua jenis cupak iaitu cupak besar dan cupak kecil. Penggunaan dua jenis cupak ini adalah bertujuan untuk mengaburi perbuatan tidak amanahnya. Saudagar tersebut telah menimbang atau menyukat dengan menggunakan cupak yang kecil semasa menjual barang dagangannya tetapi, harga yang dikenakan terhadap pembelinya adalah mengikut sukatan cupak yang besar. Apabila menggunakan cupak yang besar, pembeli akan membayar harga yang lebih tinggi kerana semakin banyak kuantiti barang yang disukat dengan cupak itu, maka semakin tinggilah nilai harga barang yang dibeli itu. Jadi, untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat-ganda, saudagar itu telah melakukan pemalsuan dalam aktiviti jual-belinya. Perbuatan pemalsuan ini boleh dikategorikan sebagai perbuatan yang tidak amanah kerana saudagar itu telah menipu pembelinya. Melalui perbuatan menipu ini, saudagar tersebut telah menerima dan mendapat keuntungan yang tinggi.

Perbuatan *rasuah autogenik* ini boleh juga dijelaskan dengan menggunakan skema imej bekas yang didasari oleh metafora konsepsi AKTIVITI ADALAH SEBUAH BEKAS. Berdasarkan metafora konsepsi AKTIVITI ADALAH SEBUAH BEKAS, aktiviti pemalsuan dan pecah amanah dalam *rasuah autogenik* boleh dikonsepsikan serta diperluaskan melalui metafora konsepsi seperti berikut; AKTIVITI PEMALSUAN DAN PECAH AMANAH ADALAH SEBUAH BEKAS. Johnson (1987) menjelaskan bahawa manusia biasanya menganggap apa-apa yang ada di sekelilingnya sebagai bekas yang membahagikan apa-apa yang ada di dalamnya dengan apa-apa yang ada di luarnya. Atas dasar inilah, skema imej bekas digunakan untuk menginterpretasikan pengalaman dalam bentuk bekas. Pemahaman manusia tentang konsep bekas ini membolehkan sesuatu konsep yang abstrak itu difahami. Pemahaman manusia tentang bekas-bekas mempunyai sisi yang membahagikan bahagian dalam dan bahagian luar membolehkan kita memahami bahawa apabila seseorang itu melakukan aktiviti pemalsuan dan pecah amanah maka dia dianggap memasuki atau berada di dalam sebuah bekas. Manakala jika seseorang itu tidak terlibat dengan aktiviti pemalsuan dan pecah amanah ini, maka ia berada di luar atau tidak memasuki bekas tersebut. Hal ini yang membolehkan aktiviti pemalsuan dan pecah amanah dikaitkan dengan skema imej bekas. Ini dapat digambarkan dalam contoh berikut:

Maka saudagar itu pun **bertimbang dan bersukat dengan cupak yang kecil**, maka ia **menerima dengan cupak yang besar** dan **menerima timbangan dengan kati yang besar**.

Ungkapan seperti *bertimbang dan bersukat* serta *menerima timbangan* menggambarkan seseorang itu sedang melakukan sesuatu aktiviti. Dalam konteks ini, aktiviti yang dilakukan adalah aktiviti pemalsuan dan pecah amanah. Dalam ayat [F6.2.90.6], saudagar dianggap sebagai pelaku atau entiti *trajector* (TR). Dalam kes *rasuah autogenik* ini, TR akan memasuki sebuah bekas yang dirujuk sebagai *landmark* (LM). LM adalah aktiviti pemalsuan dan pecah amanah. Apabila saudagar memasuki bekas yang dianggap sebagai aktiviti pemalsuan dan pecah amanah ini, maka saudagar tersebut telah melakukan perbuatan *rasuah autogenik* ini. Hal ini dapat ditunjukkan dalam Rajah 5 yang berikut. Pergerakan TR (saudagar) untuk memasuki LM (aktiviti pemalsuan dan pecah amanah)

adalah bersifat satu hala. Pergerakan satu hala (1) ini hanya melibatkan satu pihak atau seorang pelaku sahaja dan tidak melibatkan kerjasama daripada mana-mana pihak. Oleh itu, jelaslah bahawa *rasuah autogenik* ini dilakukan oleh seorang pelaku sahaja dan bersifat sehala. Kesimpulannya, *rasuah autogenik* dapat difahami sebagai perbuatan pemalsuan atau pecah amanah yang membolehkan seseorang itu memperolehi keuntungan atau habuan yang tinggi. Ia dilakukan oleh seorang secara sulit atau tersembunyi dan bersifat satu hala sahaja.



Rajah 5: Skema imej *rasuah autogenik*

Petunjuk:

LM - Landmark

TR - Trajector

Dalam konteks hari ini, perbuatan *rasuah autogenik* boleh digambarkan daripada perbuatan pemalsuan tuntutan kadar perjalanan, sebut harga dan sebagainya. Misalannya, pada bulan November 2006 yang lalu, seorang kerani Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah disiasat oleh pihak polis kerana didakwa terlibat dengan kes pemalsuan permit import (AP) kenderaan mewah. Kerani wanita berkenaan

dikatakan telah berjaya memperolehi lebih RM400,000 sebelum ditahan polis. Wanita itu dikatakan menjalankan kegiatan tersebut menggunakan kemudahan di tempat kerja termasuk semasa kakitangan lain sedang bercuti untuk memalsukan AP berkenaan. Dalam masa yang sama, Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Datuk Abdul Rahman Abdul Hamid telah mengatakan bahawa tiga syarikat besar iaitu dua pengimport kereta terkemuka dan satu pengimport barang am didakwa di mahkamah atas pelbagai kesalahan termasuklah memalsukan AP dan mengisyiharkan kereta import di bawah nilai serta mengemukakan ikrar palsu (Azman Ismail 2006). Oleh yang demikian, perbuatan pemalsuan permit AP, pengisyiharan kereta import di bawah nilai serta mengemukakan ikrar palsu dikategorikan sebagai *rasuah autogenik*.

Secara keseluruhannya, pola peluasan perkataan *rasuah* ini bermula daripada dua domain utama atau teras iaitu domain hubungan sehala dan domain hubungan dua hala. Berdasarkan dua domain utama ini, maka wujudnya makna teras dan makna pinggiran bagi perkataan *rasuah*. Seterusnya ia telah diperluaskan jaringannya dalam domain pinggiran seperti domain kesepakatan, domain sukarela, domain menerima jawatan, domain pemberi dipaksa merasuah, domain pemberi terpaksa merasuah dan domain pemalsuan dan pecah amanah. Perkataan *rasuah* ini telah mengalami peluasan makna kerana daripada dua domain utama, makna perkataan ini telah diperluaskan lagi dalam enam domain pinggiran.

## RASUAH DAN PEMIKIRAN MELAYU

Terdapat beberapa peribahasa yang boleh dikaitkan dengan gejala *rasuah* berdasarkan tipologi *rasuah* yang digunakan dalam makalah ini. Ungkapan seperti ‘orang memberi, kita merasa’, ‘ada udang di sebalik batu’, ‘tumbuk rusuk’, dan ‘duit kopi’ adalah contoh-contoh yang boleh disingkap makna implisitnya yang mengandungi unsur-unsur rasuah. Orang Melayu pada zaman dahulu yang kolektif sifatnya mempunyai sikap saling tolong menolong. Hasil pertanian dikongsi bersama dan konsep berbudi adalah amalan mulia yang menjadi pengikat hubungan tanpa mengharapkan bantuan. Mungkin jika pemberian telah melebihi had yang sepatutnya, barulah konsep ‘ada udang di sebalik batu’ itu wujud. Kerana sesungguhnya orang berbudi ada batas-batasnya dan penerima dapat mengesan niat di sebalik pemberian itu. Itulah adab berbudi pada zaman dahulu.

Tetapi konsep ini seolah-olah diseleweng maknanya dalam konteks Melayu pada hari ini. Sebagai contoh, peribahasa “orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa” boleh dikaitkan dengan *rasuah transaktif*. Manakala peribahasa “ada udang di sebalik batu” sesuai untuk menggambarkan *rasuah investif*. Peribahasa merupakan satu medium yang digunakan untuk menggambarkan pemikiran Melayu. Maksud peribahasa tersebut seolah-olah dipermudahkan falsafahnya sehingga membenarkan perbuatan *rasuah* ini berlaku terutamanya peribahasa “orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa”. Ia juga menggambarkan bahawa *rasuah* boleh dan tidak salah dilakukan. Dari sini terhasillah pula konsep ‘duit kopi’ dan ‘tumbuk rusuk’. ‘Duit kopi’ satu ungkapan yang lunak, seolah-olah juga menghalalkan rasuah dan mempunyai konotasi ‘perkara kecil’ dan patut dilakukan demi membalaas pertolongan orang lain berbanding ‘tumbuk rusuk’. Ia juga berkaitan dengan ‘membalaas budi’.

Sekiranya difikirkan dengan teliti, sebenarnya konsep kita ‘berbudi’ perlulah bertempat atau kena pada tempatnya. Dalam konteks *rasuah transaktif* ini, sepatutnya ia tidak perlu atau tidak wajar dikaitkan dengan konsep ‘berbudi’ ini. ‘Berbudi’ untuk melakukan kejahanan dan kejahilan adalah perkara yang sia-sia. Oleh yang demikian, bangsa Melayu seharusnya tidak menyalahgunakan konsep ‘berbudi’ ini untuk melakukan *rasuah*.

## KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan makalah ini, jelas bahawa analisis yang dilakukan berasaskan semantik kognitif telah berjaya menghuraikan peluasan makna perkataan *rasuah*. Tiga kepentingan analisis makalah ini ialah, pertama, makalah ini memaparkan cara terkini dan sistematis untuk melihat peluasan makna sesuatu perkataan. Kerangka kerja semantik kognitif telah menawarkan satu penjelasan linguistik yang berpada, terkini dan sistematis untuk menangani dan meneliti fenomena peluasan makna. Kedua, makalah ini juga memberi satu dimensi baru terhadap kajian sastera Melayu klasik. Jika sebelum ini, karya sastera Melayu klasik lebih dikaji dalam medium kesusteraan semata-mata, tetapi kini tiba masanya genre ini dikaji dari perspektif yang berlainan pula iaitu dimensi semantik kognitif. Ketiganya, kajian terhadap karya sastera Melayu klasik daripada perspektif semantik kognitif dianggap sebagai satu kajian multidisiplin. Malah, kajian linguistik

menjadi semakin menarik kerana karya ini mampu menjadi bahan data korpus dan memberikan ruang yang lebih besar untuk dilihat pola bahasanya. Yang lebih penting lagi, makalah ini telah memberikan satu persepsi bahawa gejala *rasuah* memang telah berlaku dalam masyarakat Melayu, daripada zaman klasik sehingga ke zaman ini. Amalan *rasuah* jelas terpancar di dalam karya-karya sastera Melayu klasik yang telah digunakan dalam makalah ini. Keadaan ini menggambarkan bahawa memang sejak dahulu lagi gejala *rasuah* telah berlaku dan berakar umbi dalam masyarakat Melayu sehingga kini.

## Rujukan

- Abdullah Hassan. 1980. *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ali Ahmad. 1987. *Karya-karya sastera bercorak sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon a. 2006. MPK tangguh majlis angkat sumpah. (Atas talian). <http://www.utusanonline.com.my>. (12 Disember).
- Anon b. 2006. Sarjan polis didakwa terima rasuah RM600. (Atas talian). <http://www.utusanonline.com.my> (12 Disember).
- Arockiamary, S. 1992. *Ayat majmuk dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohamad Amin. 1996. Kajian bahasa dalam Sejarah Melayu. *Dewan Bahasa* 40 (10): 923-931.
- Azman Ismail. 2006. Kerani MITI palsu AP disiasat. (Atas talian). <http://www.utusanonline.com.my> (12 Disember).
- Azran Fitri Rahim. 2005. Saya sedia letak jawatan menteri – Isa Samad. <http://www.utusanonline.com.my> [12 Disember]
- Fauziah Ahmad & Ruslan Kasim. 2000. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Gibbs, R.W. & Steen, G.J (Pynt).1997. *Metaphor in Cognitive Linguistics*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Hasrom Harun. 1971. Hikayat Merong Mahawangsa sebagai hasil histografi tradisional Melayu- nilai sejarah. *Dewan Bahasa* 15(12): 531-541.
- Hawiyah Baba. 2002. Peluasan makna kata sifat tabii dan kata sifat indera sentuh: analisis semantik kognitif. Tesis Sarjana, Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim Ahmad. 1991. Polisemi dan homonimi dalam perkamus Melayu. *Pelita Bahasa* 3(11): 12-13.
- Ibrahim Ahmad. 1993. Semantik dan perkamusan: suatu tinjauan dari sudut hubungan makna. *Pelita Bahasa* 5(8): 34-36.

- Imran Ho Abdullah. 2000. Peluasan semantik kata sifat rasa: manis, pahit, masin dan tawar. *Dewan Bahasa* 44(5): 563- 572.
- Imran Ho Abdullah. 2002. Analisis semantik kognitif pertanyaan perbandingan: lebih dan kurang. Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Ke-2. Beijing, China, 8-10 Oktober.
- Imran Ho Abdullah. 2004. Nahu praktis bahasa Melayu: tinjauan semula ‘di antara’/ ‘antara’. Kertas kerja. Seminar Sehari Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 30 Mac.
- Imran Ho Abdullah & Norsimah Mat Awal. 2005. Pengkonsepsian dan pemetaforaan “hati”. *Jurnal Bahasa* 5(4) Disember: 1-22.
- James, T.G. 2000. A psychological analysis of corruption in Nigeria. (Atas talian). <http://www.corruption~political.html>. (6 April 2006).
- Johnson, M. 1987. *The Body in the Mind: The Bodily Basis of Meaning, Imagination and Reason*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Kamus Dewan*. 2005. Ed ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. 1992. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, G & Johnson, M. 1980. *Metaphors we live by*. Chicago: Chicago University Press.
- Lakoff, G. 1987. *Women, fire and dangerous things*. Chicago: Chicago University Press.
- Langacker, R. 1987. *Foundations of cognitive grammar. Vol 1*. Stanford: Stanford University Press.
- Mustafa Kamal. 2006. Membebaskan negara daripada belenggu rasuah. (Atas talian). <http://www.utusanmalaysiaonline.com.my>. (12 Disember 2006).
- Noresah Baharom. 1993. Pengendalian homonimi dalam kamus Melayu dan Inggeris. *Dewan Bahasa*. 37(3): 256-261.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2002. Masalah polisemi dalam perkamusian: satu penyelesaian semantik kognitif. Kertas kerja Internationan Workshop on Lexicology. Pusat Studi Jepang, Universitas Indonesia, Jakarta, 16-17 Disember.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal. 2006. Anjakan paradigma citra wanita dalam novel popular: satu analisis semantik kognitif. Kertas kerja. Bangi: Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik UKM.
- Norsimah Mat Awal. 2000. Penuh, kecil dan besar: analisis peluasan makna dari sudut teori prototaip. Kertas kerja. Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu Alaf Baru 2000, Shah Alam, 25-27 September.
- Norsimah Mat Awal. 2002. Dari buah yang lunak ke angin yang lunak: analisis peluasan makna kata adjektif indera. Kertas kerja. Persidangan Linguistik Asean, Universiti Brunei Darussalam, Brunei, 28-30 Oktober.
- Norsimah Mat Awal. 2004. Peluasan makna kata adjektif bersandarkan data korpus. Kertas kerja. Seminar Sehari Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 30 Mac.
- Panglima Ali Mudin Panglima Hasan. 1964. *Hikayat Terong Pipit*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Raja Haji Ahmad & Raja Ali Haji. 1982. *Tuhfat Al- Nafis*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rusmadi Baharudin. 2003. Pengendalian polisemi kata kerja unggulan di dalam kamus bahasa Melayu: satu pendekatan linguistik kognitif. *Tesis Sarjana*, Program

- Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saeed, J. 1997. *Semantics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah. 1997. *Analisis nahu wacana bahasa Melayu klasik berdasarkan teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan. 1998. Identiti dan citra wanita berasaskan Sejarah Melayu. *Dewan Sastera* 28(08): 32-37.
- Shellabear, W, G. 1991. *Sejarah Melayu*. Cetak ulang. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Hawa Salleh. 1988. Hikayat Merong Mahawangsa: antara mitos dan realiti. *Dewan Sastera* 18(01): 54-62.
- Siti Hawa Salleh. 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Hussein Alatas. 1995. *Rasuah: sifat, sebab dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas. 1999. *Corruption and the destiny of Asia*. Petaling Jaya: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd & Simon & Schuster (Asia Pte.Ltd).
- Syed Hussein Alatas. 2006. Biar sampai syahid politik. *Mingguan Malaysia*. 3 September: 7.
- Ungerer, F. & Schmid, H.J. 1996. *An Introduction to Cognitive Linguistics*. London: Longman.
- William, C. 1999. Domains and image schemas. *Cognitive Linguistics* 10(1): 1-31.
- Zainal Kling. 1989. Alam fikiran Melayu. *Dewan Budaya* 11(05): 30- 33.
- Zainal Kling. 2005. Minda Melayu – suatu tafsiran. Dlm. Anwar Ridhwan (Pnyt.). *Minda Melayu*. Hlm. 17-61. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hashimah Jalaluddin & Rozaimah Rashidin  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor

*Emel: shima@pkrics.cc.ukm.my*  
*Emel: rozaimah\_rashidin@yahoo.com*